



BULETIN UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Bil.1 Januari 2022 | ISSN 2232-0415



UTHM sumbang RM90 ribu untuk keperluan mangsa banjir negara



9 772232 041007



Global Technopreneur
University 2030



ISI KANDUNGAN

- 1 UTHM sumbang RM90 ribu untuk keperluan mangsa banjir negara
- 2 Sistem ELEGANT permudah urusan pengeluaran surat jaminan hospital pelajar UTHM
- 3 FAST kaji bronok, perkenal menu baharu tarik pelancong ke Muar
- 4 Dr. Air lebar sayap ke UPNM, bantu bekalkan sumber air bersih
- 6 MPP UTHM perkasa keusahawanan pelajar, sedia ruang niaga dan perkhidmatan gunting rambut
- 7 UTHM – CHARMS jalin kerjasama penyelidikan, tingkat kualiti produk
- 8 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Raja Zuraidah Raja Mohd Rasi

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriayati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my

UTHM sumbang RM90 ribu untuk keperluan mangsa banjir negara



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini telah menggerakkan misi bantuan banjir yang kesembilan dengan mengedarkan peralatan keperluan harian bernilai lebih RM90 ribu kepada mangsa banjir.

Dana yang terkumpul untuk misi ini merupakan hasil sumbangan warga UTHM dan juga orang ramai.

UTHM melalui Yayasan UTHM telah berkolaborasi dengan pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menyalurkan bantuan tersebut kepada mangsa-mangsa banjir.

Sebahagian daripada sumbangan tersebut disalurkan kepada mangsa banjir di kawasan Pahang.

UTHM juga pada masa yang sama telah menggerakkan hampir 100 sukarelawan bagi kerja-kerja pembersihan di kawasan Pekan Sungai Lembing, Pahang melibatkan kawasan komuniti

seperti kedai, balai raya dan seumpamanya.

Terdahulu Ketua Kluster UTHM Prihatin, Zaharah Abd Samad telah menyempurnakan upacara pelepasan misi bantuan banjir ke Pahang bagi menyalurkan sumbangan kepada mangsa banjir di sana.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly mewakili pihak universiti mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua penyumbang dalam membantu mangsa yang terkesan dengan bencana alam tersebut.

“Semoga segala sumbangan yang diberikan oleh para penyumbang sama ada daripada staf UTHM atau orang ramai dapat membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh mangsa banjir.

“Universiti melalui kluster ‘UTHM Prihatin’ sentiasa peka dan cakna terhadap isu-isu kemasyarakatan

terutama berkaitan bencana banjir yang melanda negara ketika ini,” katanya.

Warga UTHM dan orang ramai boleh menyalurkan sumbangan anda bagi menjayakan Misi Bantuan Banjir UTHM melalui sumbangan ke Akaun Yayasan UTHM (Bank Rakyat 1101686275) atau saluran ToyyibPay <https://toyyibpay.com/Dana-Mangsa-Banjir-SV-UTHM>



Sistem ELEGANT permudah urusan pengeluaran surat jaminan hospital pelajar UTHM



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berjaya membangunkan sistem penjanaan Surat Jaminan Hospital Secara Dalam Talian atau dikenali sebagai Electronic Guarantee Letter (ELEGANT) bagi tujuan pelajar mendapatkan rawatan di hospital kerajaan di seluruh Malaysia.

Sistem ini bakal memberi manfaat kepada pelajar berkeperluan daripada jumlah populasi 18,000 pelajar tempatan UTHM yang mengikuti pengajian di kampus induk Parit Raja dan kampus cawangan Pagoh.

ELEGANT juga mampu memberi impak yang sangat positif dari segi pelaksanaan iaitu penjimatan kos operasi, akses oleh pegawai yang dilantik dan pelajar dari dalam dan luar kampus, serta sangat praktikal pada waktu kecemasan dan di luarjangkaan.

Menurut Ketua Projek, Hawa Omar sistem ELEGANT dibangunkan untuk menambah baik kaedah pengeluaran Surat Jaminan Pelajar yang sebelum ini dikeluarkan secara manual.

"Menerusi ELEGANT, surat, laporan dan statistik boleh dijana secara dalam talian, menyediakan fungsi notifikasi e-mel kepada pihak-pihak yang berkepentingan dan menyediakan sistem perkhidmatan yang berkualiti untuk kepentingan dan kesejahteraan pemegang taruh terbesar universiti."

"Penggunaan ELEGANT yang fleksibel dapat menjamin pengeluaran Surat

Jaminan Pelajar pada kadar masa yang berpatutan serta tidak terhad dalam hari dan waktu bekerja sahaja. "Capaian sistem menerusi web-based ini membenarkan pelajar mengakses ke dalam sistem di mana-mana sahaja.

"Selain itu, akses pelulus bagi penjanaan surat jaminan ini juga tidak terhad kepada pegawai di Pejabat Hal Ehwal Pelajar, kampus induk Parit Raja sahaja, malah ia telah diperluaskan kepada semua pengetua kolej kediaman dan pegawai Bahagian Hal Ehwal Pelajar, kampus cawangan Pagoh," jelas beliau.

Pembangunan ELEGANT dibiayai oleh Geran Pentadbir Universiti yang ditaja oleh Pejabat Pendaftar serta dipantau melalui sistem ORKED di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan.

Geran ini melibatkan beberapa ahli lain iaitu Suhailah Muhammad Philip, Ruhaya Ab. Aziz, Norzila Airdzaman dan Nur Izzati Syahirah Japari.

Pembangunan ELEGANT turut menggunakan khidmat graduan Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) Dengan Kepujian dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat iaitu Nur Izzati Syahirah Japari.

"Penyertaan graduan dalam projek ini turut memperlihatkan mereka mampu menghasilkan produk inovasi yang berimpak, bermula saat menjalani latihan industri sehingga mereka menamatkan pengajian," tambah Hawa.

Mengimbas kembali proses pembangunan ELEGANT, projek Geran Pentadbir ini diberi tempoh selama satu tahun, bermula pada 01 September 2020 dan berakhir pada 31 Ogos 2021.

"Sungguhpun menghadapi cabaran mengekalkan konsistensi gerak kerja pada era pandemik Covid-19, projek ini berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan pelajar boleh menggunakan aplikasi ini bermula 26 Januari 2022.

"Tahniah diucapkan kepada semua ahli geran yang sangat komited dan berdedikasi dalam menyelesaikan projek ini dengan jayanya dan terima kasih kepada Pejabat Pendaftar, Pusat Teknologi Maklumat serta Pusat Pengurusan Penyelidikan dalam membantu melancarkan pengurusan projek ini," katanya.

UTHM GERAN H683 : ELECTRONIC GUARANTEE LETTER (ELEGANT)	
Grant Info	
Code	H683
Type	GERAN KONTAK UTHM
Duration	01.09.2020 - 31.08.2021 12 months (1)
PIAH NAWA BINTI OMAR PPP / Ketua Projek	
	PIAH SUHAILAH BINTI MUHAMAD PHILIP FPM / AM
	PIAH RUHAYA BINTI AB. AZIZ FSKM / AM
	PIAH NORZILA BINTI AIRDZAMAN FPM / AM
	CIE IZZATI SYAHIRAH BINTI JAPARI Alumni UTHM / AM

FAST kaji bronok, perkenal menu baharu tarik pelancong ke Muar



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Centre of Research for Sustainable Uses of Natural Resources (SUNR), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) sedang menggerakkan usaha menjalankan kajian berkaitan sejenis timun laut daripada keluarga besar gamat yang dikenali sebagai bronok.

Penyelidikan yang diketuai oleh Ts. Gs. Dr. Kamarul Rahim Kamarudin tersebut dijalankan dengan kerjasama saintis rakyat terkenal, Mohd Ilham Norhakim Lokman yang berasal dari Muar, Johor.

"Selain penyelidikan, pihak kami juga menggerakkan usaha ke arah membantu komuniti nelayan dan peniaga makanan tempatan dengan memperkenalkan juadah istimewa berdasarkan gamat Sungai Muar iaitu kerabu bronok," kata Dr. Kamarul.

Bronok atau nama saintifiknya *Acaudina molpadiooides* juga dikenali sebagai kentang laut (*sea potato*) memandangkan bentuknya yang seakan-akan ubi kentang yang tumbuh di ekosistem laut.

Spesis tersebut merupakan sejenis hidupan laut invertebrata yang dikategorikan sebagai timun laut dan gemar hidup di dataran berlumpur.

Sebelum ini, kerabu bronok yang juga disebut sebagai *Acaudina salad* dan *sea cucumber salad* dalam kalangan

pelancong luar negara telah menjadi daya tarikan tambahan di Pulau Langkawi selain daripada produk berdasarkan gamat.

Juadah kerabu bronok tersebut dianggap mengandungi khasiat yang seakan sama seperti gamat emas yang merupakan bahan utama dalam penghasilan produk tradisional berdasarkan gamat, yang sifatnya diyakini membantu penyembuhan luka serta rejuvenasi.

Populariti kerabu bronok di Pulau Langkawi telah mencetuskan idea kepada Dr. Kamarul untuk menggerakkan usaha awal ke arah membantu memperkenalkan juadah kerabu bronok di Muar setelah mendapat maklumat terkini tentang kehadiran spesis tersebut di muara Sungai Muar.

Berdasarkan pemerhatian pada ciri-ciri luaran atau morfologi sampel-sampel bronok yang diperolehi dari muara Sungai Muar, ternyata ia amat mirip dengan ciri-ciri *Acaudina molpadiooides* dan juga bahan utama kerabu bronok yang digunakan di Pulau Langkawi.

"Bagi memastikan bahawa spesis timun laut tersebut adalah benar-benar bronok, pengekstrakan osikel-osikel atau tulang-tulang kecil daripada tisu sampel akan dilakukan untuk mengenalpasti bentuk osikel yang terkandung seterusnya

membuat rumusan tentang status spesis.

"Di samping itu, kaedah penjujukan DNA juga akan dijalankan untuk mendapatkan kesimpulan akhir tentang status spesis sampel-sampel tersebut," katanya.

Memandangkan Muar amat terkenal dengan beberapa jenis makanan tempatan yang unik termasuk juadah berdasarkan tiram, maka pengenalan kerabu bronok sebagai menu tambahan dijangka akan merancakkan lagi sektor pelancongan tempatan.

"Dengan memperkenalkan dan mempopularkan kerabu bronok di Muar, orang ramai akan mempunyai tambahan satu destinasi pilihan untuk menikmati juadah kerabu bronok iaitu Muar di bahagian selatan Semenanjung Malaysia."

"Resepi kerabu tempatan boleh digunakan dalam penyediaan kerabu bronok agar ia menjadi lebih unik dan mempunyai ciri-ciri masakan tempatan."

"Usaha pengenalan juadah kerabu bronok ini akan turut membantu meningkatkan penjanaan ekonomi setempat dalam kalangan komuniti nelayan dan peniaga makanan tempatan di Daerah Muar," katanya.

Dr. Air lebar sayap ke UPNM, bantu bekalkan sumber air bersih



Pasukan Dr. Air yang ditubuhkan pada awal 2021 kini telah melebarkan sayapnya ke Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) bagi membantu menyediakan bekalan sumber air bersih dari air bukit.

Menurut Pengarah Urusan Ittihad Maju Jaya Sdn Bhd, Profesor Madya Dr. Mohd Zainizan Sahdan, projek ini bertujuan memanfaatkan sumber air bukit semula jadi di UPNM untuk dijadikan air minuman.

"Masalah utama sumber air ini adalah kandungan besi dan mangan yang tinggi yang tidak mampu diselesaikan dengan penapisan yang biasa."

"Hasil kepakaran Dr. Air ini telah berjaya menyelesaikan masalah ini dengan gabungan resepinya yang tersendiri."

"Resepi bahan penyah besi dan mangan iaitu DR001 telah berjaya menurunkan paras kedua-dua bahan itu mengikut piawaian yang

ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia," katanya.

Pasukan Dr. Air bekerjasama dengan penyelidik dari UPNM di bawah *Sustainable Water Supply Project* yang dipantau oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikannya, Brig Jen Profesor Ir. Dr. Norazman Mohamad Nor (B).

Penyelidik UPNM diketuai oleh Dr. Noradila Ahmad bersama ahlinya, Dr. Jestin Jelani, Dr. Zuliziana Suif dan Dr. Maidiana Othman.

Jelas beliau, sistem ini telah digunakan sebagai bekalan air bersih untuk bangunan Research Management Centre (RMC) mereka sekali gus sebagai tempat pertama untuk mempromosikan air minuman dari sumber air semulajadi di universiti itu.

"Dua mesin water dispenser yang lengkap dengan air panas, sejuk dan suhu bilik telah dipasang di pejabat tersebut," katanya.

Projek ini juga merupakan projek contoh daripada Dr. Air bagi mempromosikan bekalan air bersih dari sumber air bawah tanah dan air bukit yang biasanya memerlukan rawatan sebelum dijadikan sumber air bersih untuk minuman dan kegunaan harian.

Tambah beliau, Containerised Water Filtration System® merupakan produk yang telah mendapat IP melalui UTHM dan dilesenkan kepada Syarikat Terbitan Universiti (STU), Ittihad Maju Jaya Sdn Bhd.

"Potensi produk ini amat besar berdasarkan permintaan yang semakin meningkat pada tahun 2021," katanya.

Beliau menjangkakan permintaan terhadap produk ini akan sentiasa bertambah kerana produk ini hanya memerlukan kos penyelenggaraan yang rendah dan merupakan produk pakar tempatan yang boleh diselesaikan tanpa perlu mengimpor pakar luar.



Untuk rekod, pasukan Dr. Air merupakan gabungan antara pensyarah dan pelajar iaitu Dr. Zainizan dan Ts. Mohammad Erwan Zaki Mat Radzi yang juga merupakan rakan kongsi STU, Ittihad Maju Jaya Sdn. Bhd.

Hasil inovasi di UTHM melalui Kumpulan Integrasi iaitu Water Technology Engineering (WATE) yang bernaung di bawah Institute of Integrated Engineering (I²E) ini telah membuktikan gabungan antara industri dan akademia mampu menghasilkan satu gabungan yang jitu.

Bagi menyediakan kemudahan penyelenggaraan, Dr. Air telah bertapak di Johor, Kelantan dan Sabah.



MPP UTHM perkasa keusahawanan pelajar, sedia ruang niaga dan perkhidmatan gunting rambut



Bagi menyokong usaha memperkasakan lagi program keusahawanan pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) mengambil inisiatif mewujudkan ruang niaga "Students' Barbershop & Students' Minimart" di Kolej Kediaman Pagoh.

Menurut Yang Dipertua MPP sesi 2020/2021, Muhammad Faris Abdul Hadi merangkap pengarah program, UTHM banyak memainkan peranan dalam menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar melibatkan diri secara praktikal dalam aktiviti keusahawanan, selari dengan hala tujuannya iaitu menjadi sebuah universiti teknopreneur

bertaraf global menjelang 2030.

Setiap inisiatif yang diambil itu bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang selari dengan hala tuju di bawah Pelan Tindakan Keusahawanan 2021-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu meningkatkan bilangan usahawan siswazah menubuhkan perniagaan mereka sendiri selepas bergelar graduan.

"Bagi menyokong inisiatif ini, MPP UTHM melalui Program Keusahawanan Mahasiswa: Students' Barber Shop & Students' Mini Mart telah membantu menyediakan ruang kepada para pelajar yang berminat menceburti perniagaan."

"Pihak MPP berhasrat ingin memperkasakan keusahawanan pelajar dengan menyediakan ruang perkhidmatan gunting rambut dan ruang niaga kepada pelajar supaya dapat memberi peluang dan pengalaman kepada mereka menguruskan perniagaan. "Selain meningkatkan kemahiran dalam keusahawanan, aktiviti ini juga adalah sebagai usaha mewujudkan peluang pekerjaan kepada pelajar khususnya yang kurang berkemampuan untuk menjana pendapatan sendiri," katanya.

UTHM – CHARMS jalin kerjasama penyelidikan, tingkat kualiti produk



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Fasyeera Empire Sdn Bhd. CHARMS Cosmetic Products menjalankan kerjasama dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan dan perundingan bagi meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan.

Terjalannya kerjasama ini adalah bagi memenuhi keperluan industri kosmetik termasuk status halal yang melibatkan sejumlah dana penyelidikan sumbangan pihak Fasyeera Empire.

Dana ini didaftarkan melalui dua jenis geran iaitu geran industri sebanyak RM50 ribu dan geran sepadan sebanyak RM20 ribu oleh pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UTHM.

Kerjasama UTHM-CHARMS juga bertujuan memberi kemahiran dan nilai tambah kepada para penyelidik termasuk staf dan pelajar UTHM khususnya di Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) dan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV).

Selain itu, kerjasama ini juga untuk mengerakkan lagi hubungan bersama pihak industri, melalui Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ), UTHM sebagai perunding cara.

Majlis Menandatangani Kerjasama Kajian Penyelidikan dan Simbolik Pertukaran Dokumen Letter of Intent (LoI) antara UTHM dan Fasyeera Empire yang berlangsung di Bilik Banquet, Dewan Sultan Ismail ini menyaksikan Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah UTHM, Ustaz Hj. Mustapahayuddin Abdul Khalim mewakili universiti menandatangani dokumen manakala Fasyeera Empire Sdn Bhd. CHARMS Cosmetic Products. pula diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nur Bashira Hussin.

Pada majlis ringkas tersebut, Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mohd Shahir Shamsir Omar dan Ketua Pegawai Operasi, CHARMS, Tuan Nik Ilman Fahmi Nik Ismail turut hadir sebagai saksi perjanjian.

Hadir sama, Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan, Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan, Dekan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, Profesor Madya Dr. Mohamad Zaky Noh, Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Profesor Madya Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, pegawai-pegawai universiti dan wakil daripada pihak industri.

"Kerjasama UTHM-CHARMS juga bertujuan memberi kemahiran dan nilai tambah kepada para penyelidik termasuk staf dan pelajar UTHM khususnya di Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) dan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV)."

Terbitan Terkini



KOMUNITI DAN ISU KELESTARIAN PERSEKITARAN

Editor: Haliza Abdul Rahman.

ISBN: 978-967-2817-48-2

PENERBIT: PENERBIT UTHM

Penyertaan komuniti setempat dalam proses membuat keputusan berkaitan kelestarian persekitaran sangat penting dalam menyumbang idea baru, maklumat, analisis serta penyelesaian kepada permasalahan alam sekitar. Malahan penglibatan komuniti turut menyumbang kepada pengetahuan dan maklumat asas dalam menentukan sebarang keputusan atau tindakan yang akan diambil dalam memastikan alam sekitar terpelihara. Justeru, setiap individu dalam komuniti perlu menguruskan sumber alam dengan berhemah dan teliti bagi mengelakkan berlakunya pembaziran sumber alam secara tidak terkawal.



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

